

Lelaki terlepas hukuman mati, bebas tuduhan edar dadah 6.4kg

MIRI: Seorang lelaki terlepas hukuman mati selepas Mahkamah Majistret di sini, semalam membebaskannya daripada pertuduhan mengedar dadah seberat 6.4 kilogram (kg).

Keputusan itu dibuat Majistret Ashok Linggam selepas mendapati laporan kimia menunjukkan tiada sebarang dadah ditemui pada barang kes.

Dalam keputusannya Ashok berkata, unsur penting bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya adalah kewujudan dadah seperti yang dikategorikan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

“Bagi membolehkan pihak pendakwaan meneruskan kes, unsur penting kes ini



BEBAS: Tertuduh berbincang dengan peguam belanya selepas dibebaskan daripada pertuduhan mengedar dadah oleh Mahkamah Majistret Miri, semalam.

mestilah wujud.

“Namun dalam kes ini, laporan kimia yang dikemu-

kakan pihak pendakwaan menyatakan bahawa tiada sebarang dadah.

“Oleh itu, unsur penting bagi kes ini tidak wujud.

“Justeru, adalah wajar mahkamah membebaskan tertuduh daripada pertuduhan tersebut,” katanya.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan daripada pertuduhan itu, namun pihak pembelaan memohon agar tertuduh dibebaskan daripada pertuduhan tersebut.

Tertuduh, Danny Balan Besar, 34, didakwa mengedar dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 6,400 gram pada jam 10.40 pagi, 4 Ogos 2025 di kawasan Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Miri.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 39B (1) (a) ADB 1952 (Akta 234) dan dihukum di bawah Seksyen 39B (2) akta sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan jika tidak dihukum mati, boleh disebut tidak kurang daripada 12 kali.

Meskipun dibebaskan daripada pertuduhan itu, tertuduh masih ditahan lanjut di Penjara Pusat Miri kerana mempunyai kes lain di bawah Seksyen 39A (2) ADB 1952 yang bicarakan di Mahkamah Sesyen.

Pendakwaan kes dikenalalakan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh diwakili peguam bela Arthur Liang Dawat.